



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES

Edition: 16/2025

APB REMBAU E-BULLETIN



EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

**Prof. Madya Dr Norwati Hj
Roslim**

CHIEF EDITOR

**Assoc. Prof. Dr. Soo Kum
Yoke, Carolyn**

EDITORIAL COMMITTEE

**Khairon Nisa Shafeei
Shahrul Muhazad Shahrudin
Nadiah Yahyauddin**

CORETAN PENGALAMAN MENYERTAI ACARA LARIAN DI KARNIVAL SUKAN STAF UiTM (KARiSTA) 2025

*Ditulis oleh: Ahmad Azman bin Mohamad
Ramli*

KARiSTA ialah acara sukan dwitahunan yang diadakan istimewa untuk kakitangan dan pesara UiTM. Pada tarikh 24 Ogos 2025 sehingga 30 Ogos 2025, telah berlangsung KARiSTA edisi ke VIII, tahun 2025 di UiTM Cawangan Perlis.

Sebanyak 22 acara sukan dipertandingkan dan 15 kontinjen dari UiTM seluruh Malaysia menyertainya. Buat pertama kalinya di KARiSTA edisi kali ini, para pesara daripada Persatuan Pesara UiTM dijemput menyertai acara sukan yang gilang-gemilang ini.



Gambar 1: Logo karnival sukan

Penulis yang mewakili kontinjen UiTM Cawangan Negeri Sembilan menyertai acara larian. Acara larian di KARiSTA edisi kali ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu kategori peserta lelaki senior (umur 39 tahun dan ke bawah), kategori peserta lelaki veteran (umur 40 tahun dan ke atas) dan kategori peserta wanita (umur terbuka). Penulis menyertai kategori peserta lelaki veteran.



Gambar 2: Kasut larian yang digunakan oleh penulis ketika pertandingan

Acara larian ini diadakan pada tarikh 29 Ogos 2025. Peserta-peserta dilepaskan pada lebih kurang pukul 8 pagi di garisan permulaan di Kompleks Sukan, UiTM Cawangan Perlis. Jarak larian ialah lebih kurang 7 kilometer dan trek larian ialah di sekitar dalam kawasan kampus UiTM Cawangan Perlis.



Gambar 3: Penulis bergambar sebelum acara larian bermula

Semasa pertandingan, penulis telah mencuba bersungguh-sungguh untuk memenangi pingat kemenangan, sama ada emas, perak atau gangsa. Bagaimanapun ramai peserta-peserta lain lebih bertenaga berlari dibandingkan

dengan penulis. Oleh itu penulis terpaksa berpuas hati dengan pingat *Finisher* sahaja. Pingat ini dianugerah kepada peserta-peserta yang berjaya menamatkan larian di garisan penamat.



Gambar 4: Pingat yang diperolehi penulis

Walaupun tidak memenangi pingat kemenangan emas, perak atau gangsa, penulis tidak akan berputus asa dan akan terus gigih berlatih. Semoga di acara KARiSTA akan datang, penulis akan memperolehi pingat kemenangan. Berjumpa lagi di KARiSTA edisi ke IX, tahun 2027!